



**UCAPAN ALUAN
MAJLIS PELANCARAN TANAM SEMULA 2010,
PELANCARAN PRODUKTIVITI DAN MEMENDEKKAN
KEREMAJAAN GETAH DAN PENYAMPAIAN DIVIDEN
TSK, PAKEJ BANTUAN TAMBAHAN SERTA
PENYERAHAN KUNCI RUMAH PROGRAM BANTUAN
RUMAH RISDA NEGERI PAHANG**

**OLEH
DATO' ALI NORDIN BIN WAHIDUDDIN
TIMBALAN KETUA PENGARAH PEMBANGUNAN RISDA**

TEMPAT: TSB KAMPUNG TROH, SABAI, BENTONG, PAHANG
TARIKH : 14 DISEMBER 2009
MASA : 2.00 PETANG

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

**Yang Amat Berhormat Dato' Sri Adnan bin Hj. Yaakob
Menteri Besar Pahang Darul Makmur**

**Yang Berhormat Dato' Wan Rosdy bin Wan Ismail
Exco Pembangunan Luar Bandar dan Hal Ehwal Orang Asli
Negeri Pahang**

**Yang Berhormat Dato Davindran
ADUN Kawasan Sabai**

YB ADUN - ADUN

**Yang Hormat Dato' Mujahid bin Muhammad
Pengarah RISDA Negeri Pahang**

Ketua-Ketua Jabatan

**Seterusnya Tuan-Tuan dan Puan-puan Pekebun Kecil yang
dihormati sekalian**

3

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

1.0 PENGHARGAAN

Marilah kita sama-sama bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya, dapat kita hadir bersama-sama dalam Majlis Pelancaran Tanam Semula 2010, Pelancaran Produktiviti dan memendekkan keremajaan Getah dan Penyampaian Dividen TSK, Pakej Bantuan Tambahan serta Penyerahan kunci rumah Program Bantuan Rumah RISDA Negeri Pahang pada hari ini. Terlebih dahulu saya mengambil

4

kesempatan di sini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Adnan bin Hj. Yaakob, Menteri Besar Pahang kerana sudi melapangkan masa untuk hadir bersama-sama kita pada hari ini serta merasmikan Majlis pada petang ini. Kita semua berasa bertuah kerana mempunyai pemimpin yang begitu prihatin dan mengambil berat tentang masyarakat luar bandar khususnya pekebun kecil. Kehadiran Yang Amat Berhormat Dato' Sri, insya'Allah akan menjadi pendorong dan menyemarakkan lagi semangat RISDA serta semua Pekebun Kecil Negeri Pahang

5

untuk terus berusaha bagi meningkatkan dan memperbaiki sosio-ekonomi masyarakat pekebun kecil.

Saya juga mengambil peluang di sini untuk mengalu-alukan kehadiran Dato' Wan Rosdy, Dato Davindran serta semua Dif-dif jemputan dan pekebun kecil Negeri Pahang khususnya kawasan Bentong ini ke Majlis Pelancaran pada hari ini. Kehadiran Dato-Dato, tuan-tuan dan puan-puan menjadi pendorong kepada RISDA untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada pekebun kecil dan penduduk di luar bandar khususnya dan juga industri getah dan sawit keseluruhannya.

6

Tuan-Tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

2. Tujuan Pelancaran

2.1 **Tujuan Pelancaran Tanam Semula 2010** adalah untuk memaklumkan kepada semua pekebun kecil Negeri Pahang mengenai matlamat Tanam Semula dan pendekatan Tanam Semula RISDA bagi tahun 2010. Bagi Negeri Pahang, seluas 5,600 hektar akan ditanam semula dibawah TSGGI, TSGL dan TSSS manakala seluas 19,000 hektar akan diteruskan Bantuan Berturut pada tahun 2010.

7

2.2 **Pelancaran Produktiviti** bertujuan untuk meningkatkan produktiviti kebun selaras dengan KPI RISDA 2010 yang telah ditetapkan iaitu 1800 kg sehektar setahun bagi getah dan 20 metrik tan sehektar setahun bagi sawit.

2.2.1 Mempergiatkan aktiviti khidmat pengembangan kepada golongan sasar khususnya dibawah kategori produktiviti getah dan sawit matang.

2.2.2 Pendekatan Kearah meningkatkan produktiviti kebun
i. Meningkatkan hasil setorehan sepokok atau g/t/t

8

- melalui penggunaan klon yang baik.
- ii. Amalan Pertanian yang baik
 - iii. Penggunaan baja dan alat rangsangan
 - iv. Menambahkan bilangan hari menoreh dari 11 hari ke 15 hari sebulan
 - v. Meningkatkan kepadatan pokok bertoreh daripada 353 pokok sehektar ke 500 pokok sehektar
 - vi. Melaksanakan analisis kecerakinan daun dan tanah serta mengimplimentasikan sistem BBC dan SYP.
 - vii. Memastikan harga yang diterima diladang setimpal
 - viii. Insentif mengeluarkan getah dalam bentuk lateks.

2.3 Bagi memendekkan keremajaan Getah dan Sawit,

2.3.1 Mewujudkan satu pembudayaan aktiviti khidmat pengembangan dan amalan pertanian yang baik bagi getah dan sawit muda di kalangan pekebun kecil seperti berikut:

- i. Pemilihan dan penggunaan benih BCMP 2 tingkat daun dari klon yang disyorkan.
- ii. Penanaman dengan kepadatan optima 550 pokok sehektar
- iii. Sulaman dalam tempoh setahun lepas tanam

- iv. Lakukan cantasan terkawal dan cantasan pembetulan
- v. Lakukan galakkan dahan
- vi. Lakukan teknik mengukur tumbesaran pokok
- vii. Lain-lain faktor seperti penanaman kacang penutup bumi dan tanaman integrasi semasa peringkat pembangunan

2.4 Penyampaian Dividen TSK

Disamping itu pada hari ini, seramai 264 orang peserta TSK Daerah Bentong akan menerima sejumlah RM 145,000.00 dividen bagi bulan November dan Disember 2009.

2.5 Pakej Bantuan Tambahan

Selain daripada itu, seramai 3 orang akan menerima Pakej Bantuan Tambahan RM 4,903.00 iaitu pada kadar RM1,500 sehektar untuk kebun 2.5 hektar kebawah. Bantuan ini adalah bantuan tambahan untuk pembinaan pembentong, parit saluran, pagar ataupun pelindung pokok

2.6 Program Bantuan Rumah

Program Bantuan Rumah merupakan satu usaha kerajaan untuk membantu masyarakat luar Bandar yang miskin untuk membina rumah baru ataupun membaik pulih rumah yang sedia ada. Bagi tahun 2009 ini, RISDA telah kenalpasti sejumlah 15 orang yang layak untuk rumah bina baru dan sebuah rumah untuk dibaikpulih yang layak untuk dilaksanakan di daerah Bentong. Dari jumlah ini, kesemua 15 rumah telah siap untuk diserahkan kunci pada hari ini. Kepada penerima-penerima rumah, Saya mendoakan agar Tuan-tuan dan Puan-puan akan terus maju dan semoga

13

bantuan rumah yang diterima hari ini dapat menceriakan kehidupan anda semua.

3.0 Penutup

Saya tidak berniat untuk berucap panjang kerana Tuan-tuan dan Puan-puan tentunya sudah tidak sabar lagi untuk mendengar ucapan daripada YAB Menteri Besar. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Adnan bin Hj. Yaakob, Menteri Besar Pahang atas kesudian untuk menghadiri Majlis pada hari ini. Juga kepada terima kasih kami kepada YB Wan Rosdy,

14

Dato' Davindran serta Dato'-Dato' para jemputan serta pekebun kecil yang hadir. Tidak ketinggalan juga terima kasih kepada Dato' Mujahid, Pengarah RISDA Pahang serta Jawatankuasanya yang telah bekerja kuat untuk menjayakan Majlis ini. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas segala usaha Tuan-tuan.

Sekian. **Wabillahi Taufik Walhidayah , Wassalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.**